



KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MALAYSIA TERHADAP MEMORANDUM BERTAJUK PENGAMBILAN BENIH KERANG DARIPADA TAPAK SEMULAJADI SECARA HARAM DAN MEROSAKKAN EKOSISTEM AKUAKULTUR LAIN OLEH PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

1. Jabatan Perikanan Malaysia menerima memorandum bertajuk Pengambilan Benih Kerang Daripada Tapak Semulajadi Secara Haram dan Merosakkan Ekosistem Akuakultur Lain Oleh Pihak Yang Tidak Bertanggungjawab oleh Yang Berhormat Datuk Seri Jamal Md Yunos pada 5 Januari 2021. Terdapat dua (2) aduan dan tiga (3) cadangan di dalam memorandum yang diserahkan.
2. Aduan pertama ialah tiada tindakan tegas di buat melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

Pihak Jabatan ingin memaklumkan sepanjang bulan Disember 2020 dan Januari 2021 aktiviti penguatkuasaan oleh Jabatan di Negeri Selangor telah berjaya membuat rampasan seperti berikut:

- I. Pada 17 Disember 2020, Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam dibantu oleh Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah mengadakan operasi dimana hasilnya 10 guni anak kerang berjaya dirampas di dalam tempat penyimpanan barang dan 10 guni berdekatan sebuah kenderaan jenis proton wira. Selain itu 6 tangguk tangan dan 1 penyukat anak kerang turut dirampas. Dianggarkan hasil rampasan bernilai lebih kurang RM20,000.
- II. Dalam operasi pada 30 Disember 2020 pula penguatkuasa telah berjaya menyita 13 guni benih kerang yang ditinggalkan di Jalan Bagan 9, Sekinchan. Hasil rampasan dianggarkan sebanyak RM26,000. Terbaru pada 1 Januari 2021 Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam merampas 18 tangguk tangan yang digunakan untuk aktiviti mencuri anak kerang.
- III. Pada 1 Januari 2021, serbuan di darat pada jam 03.00 pagi telah dilakukan ke atas orang yang disyaki (OYDS) namun kesemua telah sempat lari ke arah laut menggunakan sampan "berenjin ekor biawak" bersama anak kerang di dalam guni. Walau bagaimanapun, kakitangan Pejabat Perikanan Daerah telah berjaya menyita sebanyak 18 peralatan tangguk tangan (masih ada sisa anak kerang) yang disyaki digunakan untuk melakukan kegiatan tersebut. Nilai rampasan adalah dianggarkan sebanyak RM3,600.

3. Aduan kedua pula menyatakan kegiatan pengambilan benih kerang secara haram menggunakan enjin ' rotor' merosakkan ekosistem dan hidupan akuakultur lain.

Jabatan Perikanan Malaysia tidak membenarkan sebarang aktiviti pengambilan benih kerang di kawasan tapak benih semula jadi kerang oleh sesiapaun termasuk nelayan dan penternak dengan menggunakan apa-apa kaedah sekiranya tidak berlesen termasuk penggunaan bot berenjin rotor.

4. Jabatan menyambut baik cadangan-cadangan yang disampaikan dan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut juga di darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang. Tindakan penguatkuasaan bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain samada di laut dan di darat akan diteruskan.
5. Jabatan mengalu-alukan sebarang laporan berkenaan salah laku kakitangan Jabatan yang menyalahi undang-undang atau tidak berintegriti. Sebarang bukti boleh diserahkan kepada pihak Polis atau SPRM. Jabatan akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

5 Januari 2021 (Selasa) jam 7 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my